

06/07/1999

Tiada sindrom bisu dalam Umno: Pak Lah (HL)

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin - Sindrom membisu tidak wujud dalam Umno atau kerajaan, sebaliknya semua pemimpin bebas menyuarakan pandangan masing-masing, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, sudah menjadi amalan dalam mesyuarat Kabinet atau Majlis Tertinggi (MT) Umno dan Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), semua yang hadir berbincang secara terbuka tanpa sebarang halangan.

Malah, beliau yang juga Naib Presiden Umno berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri tidak pernah menghalang sesiapa untuk membincang atau mengemukakan sebarang perkara dalam setiap mesyuarat yang dipengeruskannya.

"Saya turut ada dan saya dengar," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rakan sejawatannya dari Republik Kyrgyz, Esengul Omuraliev, di pejabatnya di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan penulis novel Shit, Prof Datuk Shahnnon Ahmad, kononnya novel itu ditulis kerana wujud sindrom membisu dalam Umno dan kerajaan.

Dalam ucapan pada majlis ceramah anjuran Pas di Alor Star, Jumaat lalu, Shahnnon yang juga ahli Pas seumur hidup, dilaporkan berkata beliau menegur dan mengkritik corak kepemimpinan Perdana Menteri dan kerajaan menerusi novel Shit kerana Umno gagal menegur atau menasihati Dr Mahathir.

Abdullah bagaimanapun mempersoalkan kenyataan Shahnnon kerana menurutnya, Sasterawan Negara itu tidak kenal dan tidak tahu apa yang berlaku dalam Umno dan kerajaan, sebaliknya hanya memberi pandangan dari jauh.

"Dia tidak pernah terbabit dalam sebarang perundingan atau perbincangan yang kita biasa adakan sesama pemimpin parti dan kerajaan.

"Kalau dia tahu, dia tidak akan mengeluarkan kenyataan (seperti itu). Saya tahu, tidak ada sindrom membisu dalam kerajaan atau parti," katanya.

Mengenai penafian Shahnnon bahawa beliau meminta maaf kepada Dr Mahathir kerana menghina Perdana Menteri, Abdullah berkata, kenyataan itu juga menunjukkan pendirian Shahnnon yang sukar diterima.

"Payahlah kalau kejam kata begitu, kejam tak begitu, macam tak tentu dalam fikirannya ... apa yang nak cakap atau nak buat," katanya.

Shahnnon yang dikecam hebat ketika Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini kerana menghina Dr Mahathir dengan menggunakan perkataan lucah, sebelum ini dilaporkan memohon maaf secara terbuka sekiranya kandungan novel Shit menghina Perdana Menteri.

Abdullah juga berkata, Shahnnon tidak wajar menganggap wartawan yang menulis berita mengenai permintaan maafnya kepada Dr Mahathir sebagai 'wartawan jalanan'.

"Wartawan adalah golongan yang bertanggungjawab dan tahu apa yang perlu ditulis atau dilaporkan dalam rencana atau penulisan mereka.

"Setahu saya wartawan Malaysia yang saya kenal adalah mereka yang bertanggungjawab, mereka tahu apa yang mereka patut tulis. Kadang-kadang apa yang mereka tulis itu, orang tidak senang hati kerana banyak sangat orang nak lihat tulisan yang menentang kerajaan, yang buat cerita bohong mengenai apa yang kerajaan lakukan... yang itu yang mereka seronok.

"Tetapi kalau wartawan memberi penerangan dan penjelasan atau maklumat, mereka anggap wartawan ini macam pengampu kerajaan, pada hal mereka adalah orang yang bertanggungjawab.

"Kalau itu adalah maklumat yang penting yang perlu ditulis dalam rencana

mereka atau perlu dilaporkan, maka mereka membuat berita mengenainya dan ini bukan satu kesalahan. Tahap tanggungjawab atau sikap tanggungjawab wartawan di tanah air kita ini patut dipuji," katanya.

(END)